

UCAPAN Y.A.B. DATO' HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI MALAYSIA, SELAKU
YANG DIPERTUA PERSATUAN SEJARAH
MALAYSIA DI UPACARA PELANCARAN
PERAYAAN JUBLI PERAK DAN PEMBUKAAN
RESMI KONGRES SEJARAH MALAYSIA,
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
BANGI, SELANGOR, PADA HARI ISNIN,
10HB. APRIL, 1978 JAM 10.00 PAGI.

Yang Berbahagia Tan Sri H a j i Hamdan,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan
Sejarah Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-
Timbalan Menteri.

Tuan-tuan Yang Terutama,

Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselar
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Para Peserta Kongres,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Pada hari yang bersejarah ini,
saya bersyukur kehadiran ALLAH kerana dapat
bersama-sama meraikan perayaan Jubli Perak,

Persatuan Sejarah Malaysia. Dua Puluh Lima tahun mungkin dianggap pendek dari segi sejarah dunia, tetapi dari segi ujudnya sesebuah pertubuhan, 25 tahun ialah satu masa yang panjang. Ujudnya Persatuan Sejarah Malaysia selama 25 tahun, bukanlah 'hidup segan, mati tak mahu', tetapi Persatuan Sejarah Malaysia telah bergerak dan berkembang, maju ke hadapan dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Sambutan secara besaran lagi bermakna Perayaan Jubli Perak ini, membuktikan kebanggaan kita terhadap kejayaan yang telah kita capai selama ini.

2. Persatuan Sejarah Malaysia telah ditubuhkan pada 30hb. April 1953 di Dewan Bandaran Kuala Lumpur. Semenjak ia dilancarkan, Persatuan ini telah dapat membangkitkan minat penduduk Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia, terhadap Sejarah Tanah Air kita. Persatuan ini telah berkembang dengan pesatnya, di bawah pimpinan Pengerusi Jawatankuasa Kerja, Tan Sri Haji Hamdan bin Sheikh Tahir. Pada masa sekarang, Persatuan telah berjaya menubuhkan 13 Cawangan di peringkat negeri dan 11 Cawangan di peringkat kawasan atau pun daerah.

3. Tidak lama selepas Persatuan diwujudkan, ia telah mula menerbitkan sebuah majalah bernama The Malayan Historical Journal. Pada tahun 1957, nama majalah ini telah ditukar kepada Malaya in History. dan seterusnya dinantikan pula dengan Malaysia in History apabila Persekutuan Tanah Melayu menjadi Malaysia. Dari tahun 1954 hinggalah ke sekarang ini, majalah Persatuan Sejarah Malaysia masih diterbitkan. Persatuan juga telah menerbitkan beberapa buah buku, kebanyakannya mengenai Sejarah Perkembangan Pelajaran di negeri-negeri di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Semenjak tahun 1972, Persatuan telah mengadakan Peraduan Tahunan Karangan Sejarah Malaysia yang dibukakan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat sekolah, maktab dan universiti. Karangan-karangan yang dianggap baik, telah diterbitkan bagi menambah bahan bacaan untuk pelajar-pelajar. Langkah ini, juga merupakan galakan kepada para pelajar.
5. Oleh kerana Persatuan Sejarah Malaysia sedar tentang mustahaknya di jaga, dikumpul dan dikekalkan segala warisan sejarah kita,

maka Persatuan ini telah menjalankan usaha merakamkan sejarah tempatan, terutamanya mengenai tempat-tempat atau tapak-tapak yang bersejarah. Dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Persatuan juga mengendalikan satu siri rancangan Telivisyen Malaysia berkenaan dengan sejarah Tanah Air kita. Siri rancangan ini dinamakan "Warisan." Saya difahamkan bahawa, para peserta Kongres dan penduduk Bangi dan kawasan-kawasan yang berhampiran, akan berpeluang melihat tayangan beberapa episode daripada siri "Warisan" pada malam ini.

6. Satu siri rancangan mengenai sejarah tanah air dalam bentuk baru, sebagai lanjutan kepada "Warisan", sedang disediakan oleh Talivisyen Malaysia, untuk tayangan seminggu sekali. Ini sudah pasti akan meningkatkan lagi minat, kecenderongan dan kesedaran di kalangan rakyat dan penduduk, terutama pelajar-pelajar kita, terhadap Sejarah Negara.

7. Ada beberapa lagi kegiatan Persatuan, yang tidak dapat saya nyatakan di sini, kerana masa tidak mengizinkan. Adalah jelas dari

contoh-contoh yang telah saya sebutkan tadi, bahawa Persatuan Sejarah Malaysia telah dan sedang menjalankan khidmat bakti, yang sepatutnya mendapatkan penghargaan daripada masyarakat.

Kita mestilah ingat, bahawa Sejarah adalah satu bidang ilmu yang penting, dalam soal pembentukan dan pembangunan satu bangsa Malaysia, lebih-lebih lagi bagi negara kita, yang mempunyai penduduk dari berbagai kaum dan keturunan.

Menerusi Sejarah, kita akan dapat memperkenalkan keperibadian Malaysia, dalam peristiwa-peristiwa penting di waktu yang silam, peristiwa-peristiwa yang boleh membangkitkan perasaan megah dan

bangga, serta perasaan terpuinya dan kasih kepada Malaysia. Dengan cara ini, kita mungkin dapat meningkatkan dan mengembangkan lagi perasaan dan semangat cinta dan taat setia kepada Tanah air yang telah sama-sama kita warisi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Perasaan dan sikap keMalaysiaan

dihati sanubari setiap warganegara Malaysia.
hendaklah

Mereka / diajak mengetahui dan memahami masalah-masalah negaranya. Mereka perlu mempunyai

perasaan terlibat dan bertanggungjawab serta semangat menyertai dalam pembangunan Malaysia. Negara kita sedang memerlukan sumbangan tenaga yang banyak dari rakyatnya, terutama dari mereka yang telah berpeluang menikmati kemudahan-kemudahan persekolahan yang disediakan oleh Kerajaan. Mereka yang telah atau pun sedang melanjutkan pelajaran diperingkat universiti, baik di dalam ataupun di luar negeri, haruslah diberi fahaman terhadap hakikat ini.

9. Kitamestilahsentiasaingat.bah

sekolah-sekolah rendah dan menengah. maktab-maktab dan universiti-universiti di Tanah

Air kita ini, telah dibina dan dikendalikan oleh Kerajaan, dengan menggunakan belanja beribu juta ringgit. Kebanyakan dari wang perbelanjaan ini, datangnya dari rakyat.

tiap warganegara Malaysia, yang telah mendapat faedah dan kebajikan dari wang rakyat ini, membayar balik hutang mereka kepada rakyat.

Perkara ini meliputi juga pelajar-pelajar Malaysia yang di luar negeri. kerana mereka

wang rakyat, semasa mereka bersekolah rendah dan menengah di negara ini.

10. Ilmu pengetahuan yang tinggi sahaja, tidaklah mencukupi tanpa perasaan dan semangat cinta dan taat setia kepada Malaysia. Kita perlukan tenaga terlatih dan cerdik pandai yang benar-benar menganggap diri mereka sebagai warganegara Malaysia, yang sedia bersikap, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Kita tidak mahu mereka bersikap 'bunga disunting, perdu ditendang,' iaitu mereka mahu menikmati

kemudahan-kemudahan negara sahaja., tetapi tidak sanggup berkorban untuknya.

11. Oleh itu, adalah perlu bagi kita menentukan supaya pelajar-pelajar kita dari sekolah rendah lagi, dididik dengan ilmu Sejarah, yang benar-benar boleh melahirkan, memupuk dan mengembangkan perasaan dan semangat cinta dan taat setia kepada Tanah air, sikap keMalaysiaan, dan hasrat sedia berkhidmat, malahan berkorban untuk negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Penyelidikan dan penulisan Sejarah Malaysia, hendaklah dipergiat dan digalakkan. Bagi mendapatkan satu hasil penulisan yang bermutu, menyeluruh dan seimbang, kita memerlukan ahli-ahli Sejarah yang terlatih dan bahan-bahan penyelidikan yang cukup. Kita mestilah berusaha untuk mendapatkan bahan-bahan Sejarah, yang ada disimpan oleh pertubuhan-pertubuhan swasta, dan orang-orang perseorangan di Tanah Air kita sendiri. Sumber-sumber Sejarah ini, bukanlah terhad kepada bahan-bahan bertulis,

tetapi juga sumber-sumber lisan.

13. Usaha hendaklah dipergiatkan lagi, bagi mendapatkan kembali bahan-bahan Sejarah yang berkaitan dengan Malaysia, yang kini tersimpan di luar negeri, seperti di Portugal. di Holland, di Britain dan di Jepun. Dalam hal ini, bukan sahaja pihak kita perlu mengambil dayautama, tetapi adalah diharapkan bahawa negara-negara yang ada menyimpan bahan-bahan Sejarah mengenai Malaysia, sudi bekerjasama dengan kita untuk mengembalikan bahan-bahan ini, atau nun salinan-salinannya.

14. Saya harap, peserta-peserta Kongres ini, dapat memberi perhatian yang lebih teliti tentang hal ini. Adalah juga menjadi harapan saya, agar Kongres Sejarah Malaysia ini, dapat menghasilkan rumusan-rumusan yang bermakna lagi berfaedah, bukan sahaja untuk kepentingan Persatuan dan pusat-pusat pengajian, tetapi juga untuk rakyat seluruhnya.

15. Mengendalikan Kongres seperti ini, tentulah memerlukan tenaga, masa dan kewangan yang banyak. Oleh itu, saya mengucapkan berbanyak

terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja, Persatuan Sejarah Malaysia, semua anggota Jawatankuasa Perayaan Jubli Perak, Jawatankuasa Kongres Sejarah Malaysia, dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecilnya.

16. Sayajugamengucapkanterimakasih kepada Tan Sri Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, dan pegawai-pegawainya, yang telah menyediakan berbagai kemudahan dan memberi banyak pertolongan, bagi menjayakan

Kongres ini. Saya juga menyampaikan terimakasih saya kepada semua badan dan firma serta orang-orang perseorangan, yang telah memberi sumbangan, baik dari segi kewangan, acara hiburan, tenaga dan masa, dalam perayaan Jubli Perak dan Kongres ini.

17. Segala khidmat bakti dan derma yang telah disumbangkan, akan memperkukuhkan lagi asas-asas dan usaha-usaha membina satu bangsa Malaysia yang bersatupadu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

18. Dengan itu, saya, dengan memohonkan restu dan rahmat dari Ilahi, merasmikan Perayaan Jubli Perak Persatuan Sejarah Malaysia, serta meresmikan Kongres Sejarah Malaysia ini.

Terima kasih.



No. Siri 354
No. Penerimaan 119/78